

## SIARAN AKHBAR

## UNTUK SIARAN SEGERA

### PERAYAAN UNTUK DIRAI, PERCUTIAN UNTUK DINIKMATI

*Waspada dan Selamat, Rancang Perjalanan Semasa Cuti Perayaan*

**KUALA LUMPUR, 20 DISEMBER 2023** – ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) telah meningkatkan tahap kesediaan untuk menghadapi jangkaan peningkatan kenderaan di lebuhraya kendaliannya bersempena musim cuti perayaan Krismas ini. Bagi tempoh 23 sehingga 26 Disember ini, dijangkakan hampir 1 Juta kenderaan yang akan menggunakan lebuhraya KLK dan LPT1.

Berdasarkan trend lalulintas di lebuhraya KLK dan LPT1, ANIH Berhad menjangkakan jumlah purata trafik harian di KLK adalah sebanyak 172,200 kenderaan iaitu peningkatan lebih 70% dari aliran trafik harian biasa. Sementara itu, di LPT1 pula jumlah purata trafik harian dijangkakan sebanyak 68,200 kenderaan iaitu peningkatan lebih daripada 50% daripada aliran trafik harian biasa.

“Pengguna disarankan merujuk kepada Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) yang telah dikeluarkan demi keselesaan dan kelancaran perjalanan”. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif ANIH Berhad, Imran Gulcharan Abdullah. Pematuhan terhadap TTA ini dapat membantu mengurangkan kesesakan di lebuhraya KLK dan LPT1.

Bagi memastikan keselesaan, ANIH Berhad telah menambah tenaga kerja sokongan di plaza tol dan menempatkan anggota RELA di kawasan strategik sepanjang lebuhraya. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kelancaran trafik sepanjang tempoh tersebut.

Selain itu, ANIH Berhad juga mengingatkan para pengguna lebuhraya agar memberi keutamaan kepada keselamatan diri sendiri serta pengguna lain dengan mengamalkan pemanduan berhemah. Gunakan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau hentian sebelah bila perlu. Patuhi tanda-tanda jalan, had laju dan arahan daripada petugas lebuh raya bagi memastikan keselamatan dan keselesaan semua.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, sila ikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook @Lebuhraya Pantai Timur dan X @LPTTrafik serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) @llmtrafik. Sekiranya berlaku kecemasan, hubungi LPT-Line di 1-700-818-700 atau talian LLM di 1800-88-7752.

-TAMAT-



## **ANIH BERHAD**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1), yang mencakupi Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1). Merentasi jarak dari Gombak pada KM 19.2 di Lembah Klang hingga ke Jabor pada KM 250.6 di Terengganu, LPT1 memendekkan masa perjalanan dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuh raya ANIH Berhad dikendalikan oleh Kumpulan MTD.

## **Pertanyaan Media**

Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

[communications@mtdgroup.com.my](mailto:communications@mtdgroup.com.my)

03 6195 1111